

11 JAN 1996

PROJEK-PROJEK BESAR AKAN DIJALANKAN SEPERTI YANG DIJADUALKAN, PM

KUALA LUMPUR, 11 Jan (Bernama) -- Projek-projek prasarana besar atau mega seperti pembangunan pusat pentadbiran Putrajaya akan dilaksana seperti yang dijadualkan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata projek-projek prasarana tidak akan dihentikan semata-mata untuk menangani masalah defisit dalam imbalan pembayaran (BOP).

"... menghentikan projek-projek prasarana hanya merupakan langkah sementara dalam menangani defisit. Ia akan mengurangkan jumlah keseluruhan, tetapi ia sebenarnya tidak akan mengurangkan BOP," katanya bila ditanya pemberita sama ada kerajaan akan menjarakkan pelaksanaan projek-projek besar sebagai cara untuk menangani defisit BOP.

Perdana Menteri berkata demikian pada persidangan berita selepas merasmikan Forum Ekonomi Kebangsaan 1996 mengenai cabaran dan tindak balas bagi mengurangkan defisit imbalan pembayaran di sini yang disusuli majlis dialog.

"Kita berpendapat kita boleh meneruskan (pelaksanaan) projek-projek itu dan pada masa yang sama mengurangkan defisit dengan mengurangkan import dan meningkatkan eksport, dan kita mempunyai strategi untuk melakukannya," katanya.

Dr. Mahathir berkata ia tidak bermakna strategi kerajaan adalah untuk mencapai pertumbuhan tanpa mengira kos, sebaliknya terdapat tanggapan asimetri tertentu dalam pertumbuhan yang perlu diperbetulkan oleh kerajaan.

Mengenai faktor-faktor yang menyebabkan defisit imbalan pembayaran negara yang begitu luas, Perdana Menteri berkata: "Sebab utama berlakunya defisit adalah kerana kesilapan strategi kerana industri kita sebenarnya disasarkan kepada memenuhi keperluan tempatan."

Dalam erti kata lain, ia adalah industri untuk menggantikan import, katanya dan menambah bahawa tiada sebab kenapa industri Malaysia tidak boleh menghasilkan pengeluaran untuk eksport.

"Jika kita boleh menambahkan eksport, kita boleh mengatasi masalah imbalan pembayaran," katanya.

Malaysia bersedia untuk mengubah strateginya dan juga arah haluannya jika tindakan itu boleh mencapai pertumbuhan yang lebih tinggi dan pencapaian ekonomi yang lebih baik, katanya bila ditanya sama ada kerajaan akan mengkaji semula strateginya.

"Kita tidak terikat dengan sebarang ideologi. Kita selalu menganggap yang kita adalah pragmatik, kita tidak menghiraukan tentang sistem atau apa yang mungkin dianggap sebagai sesuatu yang lazim untuk dilakukan.

"Kita akan melakukan apa saja yang kita fikir boleh menguntungkan kita," katanya.

Bila ditanya tentang penggunaan kadar faedah untuk mengawal ekonomi negara, Dr. Mahathir berkata kerajaan tidak melihat kadar faedah sebagai satu alat untuk mengawal ekonomi, sama ada dalam pengawalan inflasi atau dalam defisit imbalan pembayaran.

Beliau berkata terdapat cara lain yang boleh digunakan dengan lebih berkesan.

"Apabila kita mengganggu kadar faedah, ia adalah serampang dua mata, ia akan mengakibatkan kerugian dalam sektor tertentu dan keuntungan bagi sektor lain, dan itu sebenarnya tidak banyak membantu."

Mengenai levi hartanah yang dikenakan ke atas pembeli asing seperti

yang terkandung dalam Belanjawan 1996, Dr Mahathir berkata ia tiada kaitan dengan masalah defisit.

Beliau berkata oleh kerana nilai dolar Singapura yang tinggi berbanding Ringgit, warga Singapura berkemampuan untuk membayar lebih untuk membeli rumah dan dalam proses itu menafikan pemilikan hartanah oleh rakyat tempatan.

"Jadi, tanpa menyekat rakyat Singapura daripada membeli, kita mahu rakyat Malaysia membayar apa yang mereka mampu untuk rumah-rumah jenis tersebut."

Bila ditanya sama ada terdapat persaingan antara Malaysia dan Singapura dalam menarik perniagaan ke negara masing-masing, Dr. Mahathir berkata: "Sudah menjadi kelaziman bagi setiap negara untuk menjaga kepentingan masing-masing. Kita ingin menjadi makmur seperti negara-negara lain."

Beliau berkata Singapura tidak perlu bimbang kerana pendapatan per kapitanya adalah RM50,000 sementara Malaysia cuma RM8,000.

"Kita jauh di belakang Singapura. Jikapun kita mengambil secebis daripada dagangan Singapura, ia tidak memberi banyak kesan kepada Singapura.

"Sebagai sebuah kerajaan, kita perlu menjaga kepentingan negara dan ada kalanya ia memberi kesan kepada Singapura, tetapi Singapura juga melakukan perkara-perkara yang memberi kesan kepada kita," katanya. -- BERNAMA